



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - Kastam Kerah Pegawai Menyamar

Berita Harian - Kastam Kerah Pegawai Menyamar

Ahad, Nov 12 2017



Kastam kerah pegawai menyamar

BH 12/11

Bendung peniaga kedai, restoran cuba gelapkan GST

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my
Kuala Lumpur

Jabatan Kastam Diraja Malaysia diarah mengerahkan pegawai membuat penyamaran bagi membendung peniaga kedai dan restoran yang cuba menggelapkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata Jabatan

Mereka sudah memanipulasi sistem kastam dengan pelanggan dan kita tahu taktik ini sedang berlaku

Mereka sudah memanipulasi sistem kastam dengan pelanggan dan kita tahu taktik ini sedang berlaku

Kastam juga akan menjalankan siasatan forensik perakaunan rapi terhadap syarikat besar dan korporat yang memanipulasi invois dan penyata kewangan.

"Mereka sudah memanipulasi sistem kastam dengan pelanggan dan kita tahu taktik ini sedang berlaku."

"Kastam akan memantau, menyamar, membuat penyiasatan lengkap serta mengambil tindakan sewajarnya mengikut akta yang diperuntukkan," katanya kepada BH, semalam.

BH kelmarin membongkar syarikat tempatan yang dikesan menggunakan taktik licik menggelapkan GST kepada kerajaan sehingga mencecah ratusan ribu ringgit.

Taktik mengahuri mata penguat kuasa kastam itu didehalikan selalunya kepada rakyat tapi tak bayar kepada kerajaan.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) turut mengakui sukar mengenalpasti syarikat baharu yang ditubuhkan, semata-mata untuk membantu syarikat induk bagi tujuan mengelak GST.

Pasang sistem

Mengulas lanjut, Johari berkata, kastam kini dalam perancangan memasang sistem yang memastikan syarikat yang gagal mematuhi GST agar patuh kepada akta per cukai yang ditetapkan.

"Sebelum ini, kastam menumpukan siasatan dan dalawaan kepada syarikat besar kerana kita mahu mematuhi GST disegerakan, namun tidak adli bagi peniaga yang ambil duit rakyat tapi tak bayar kepada kerajaan."

"Kepada syarikat besar sekiranya tertangkap mereka perlu memulangkan jumlah tuntutan yang ditipu ditambah dengan penalti dan didakwa kerana penipu."

"Selakat ini, kita masih belum dapat laporan menyeluruh berapa kerugian ditanggung kerajaan ekoran penipuan GST yang dilakukan peniaga terbahit, namun siasatan rapi dilaksanakan bagi melihat berapa kerajaan terpaksa membayar balik," katanya.

Beliau juga mendedahkan taktik digunakan pengusaha restoran dan pemilik kedai yang menawarkan pilihan pembayaran antara memasukkan GST atau sebaliknya.

"Mereka (peniaga) tanya pelanggan sama ada mahu GST atau tak mahu GST kepada pelanggan apabila buat bayaran."

"Sekiranya ini berlaku, pekedai akan berdepan dengan tindakan tegas, termasuk penalti tinggi dan boleh didakwa selain dihebahkan kepada umum," katanya.



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

